

Tahap Kesedaran tentang Sistem Perbankan Islam dalam Kalangan Pelajar Bukan Islam di UKM
(The Awareness of Islamic Banking System among Non-Muslim Students in UKM)

MOHD ADIB ISMAIL* & NURSHAMERA ALESA SHAMSUL BAHARI

ABSTRAK

Sistem Perbankan Islam (SPI) adalah satu amalan atau aktiviti perbankan yang menjalankan operasinya berlandaskan prinsip-prinsip yang dibenarkan dalam Islam. Produk dan perkhidmatan dari amalan SPI ini tidaklah hanya tertumpu pada mereka yang beragama Islam sahaja malah terbuka juga kepada mereka yang bukan beragama Islam. Prestasi SPI menunjukkan peningkatan yang baik dari satu tahun ke satu tahun namun semakin mebimbangkan kerana peningkatan tersebut berlaku pada kadar yang perlahan. Justera itu, artikel ini bertujuan untuk mengukur tahap kesedaran pelajar bukan Islam di UKM tentang SPI. Pendekatan kajian ini dilaksanakan berdasarkan kaedah kualitatif iaitu kaedah temubual bersemuka dengan responden. Hasil kajian mendapati bahawa tahap kesedaran mereka adalah di tahap yang rendah dan membimbangkan. Pelajar bukan Islam ini mengutamakan keuntungan material dalam memilih perbankan untuk dilaburkan tanpa mempedulikan keuntungan rohani. Kekurangan pendedahan kepada SPI sewaktu di bangku sekolah juga menyebabkan tahap kesedaran mereka terhadap amalan SPI adalah rendah. Ini menyebabkan ilmu tentang SPI tidak tersebar luas. Mereka mempunyai tafsiran yang salah mengenai SPI dan hanya melihat kepada keuntungan material semata. Peranan pihak bank yang mengamalkan SPI perlu diperluaskan dan dipergiatkan bagi menangani isu kesalahtafsiran tentang SPI terutamanya dalam kalangan pelajar. Penulis berpendapat bahawa penemuan yang dibincangkan dalam kajian ini dapat memberikan sumbangan dan petunjuk bagi mengembangkan prestasi dan memajukan lagi perbankan yang mengamalkan SPI dalam kalangan bukan Islam.

Kata Kunci: Kesedaran; perbankan Islam; pelajar bukan Islam

ABSTRACT

The Islamic Banking System (SPI) is a banking practice or activity that carries out its operations in accordance with Islamic principles. The products and services of this SPI are not only targeted at Muslims but also open to non-Muslims. The SPI performance has improved from year to year but the rate of improvement was getting slower. Therefore, this article is aimed at measuring the level of awareness of non-Muslim students in UKM about SPI. The approach of this study is based on the qualitative method of interviewing with respondents. The results showed that their level of awareness was low and worrying. These non-Muslim students focus on the material advantages of choosing banking to invest without regard to their spiritual benefits. The lack of exposure to SPI while in school also led to lower levels of awareness of SPI practices. This limits the SPI's knowledge to spread. They have the wrong interpretation of SPI and only look at the material advantages. The role of the SPI practicing banks needs to be expanded and intensified to address the issue of misinterpretation of SPI especially among students. The authors are of the opinion that the findings discussed in this study can provide contributions and guidance to further enhance performance and further enhance SPI-compliant banking to non-Muslims.

Keywords: Awareness; Islamic banking; Non-Muslim students

PENGENALAN

Sistem Perbankan Islam telah bermula dengan penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 1 Mac 1983 (Anang, Koris dan Alipiah, 2004). BIMB memulakan operasinya pada 1 Julai 1983 dengan menawarkan produk dan perkhidmatan seperti perbankan konvensional tetapi mengikut prinsip Syariah yang telah ditetapkan. Hal ini bermakna perbankan Islam menjalankan operasinya berlandaskan prinsip-prinsip yang dibenarkan dalam Islam. Sistem perbankan Islam merupakan suatu alternatif kepada individu yang tidak mahu terlibat dengan amalan sistem konvensional yang berasaskan riba.

Kesemua institusi perbankan yang mengamalkan sistem perbankan Islam (SPI) mempunyai satu jawatankuasa Syariah di peringkat institusi yang bertujuan untuk membimbing mengenai hal-hal Syariah dan memastikan fungsi bank tersebut mematuhi kehendak Syariah. Terdapat pelbagai perbezaan antara perbankan Islam dengan perbankan konvensional. Antara perbezaan yang utama adalah perbankan Islam berlandaskan kepada konsep-konsep yang digariskan dalam Syariah Islam yang mana mengharamkan sebarang aktiviti berkaitan riba, *gharar*, perjudian dan penipuan.

Konsep-konsep asas Syariah yang digunakan dalam SPI merupakan panduan utama kepada kesemua bank yang mengamalkan SPI. Contoh konsep asas tersebut adalah *Wadi'ah* (simpanan), *Mudharabah* (perkongsi keuntungan), *Murabahah* (kos tambah), *Musyarakah* (usaha sama) dan sebagainya. Konsep-konsep di atas membawa kepada jalan yang direndai dan mengelakkan diri dari terjebak dengan amalan-amalan perbankan yang berasaskan riba, *gharar*, perjudian dan penipuan. Kini, perbankan Islam telah menawarkan lebih daripada 45 produk atau perkhidmatan yang berlandaskan kepada prinsip Syariah (Borhan, 2001).

Di peringkat nasional pula, SPI dikawal selia oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) yang merupakan sebuah jawatankuasa yang memastikan badan kewangan Islam beroperasi tepat dengan kehendak dan prinsip Syariah. MPS berperanan untuk mengeluarkan resolusi bagi memastikan produk perbankan yang dipasarkan oleh pihak bank tidak mengandungi unsur-unsur yang dilarang oleh Syariah seperti riba, *gharar*, perjudian dan penipuan. Resolusi yang dikeluarkan terpakai untuk semua badan kewangan Islam akan disertakan dengan pemantauan yang rapi bagi memastikan ianya benar-benar dilaksanakan oleh pihak bank yang menjalankan SPI.

Di Malaysia, rakyat terdiri daripada pelbagai

jenis agama yang menjadi kebebasan hak kepada mereka. Kebiasaan rakyat yang beragama Islam menggunakan sistem perbankan yang mengikuti Syariah. Namun, rakyat yang beragama bukan Islam cenderung kepada perbankan konvensional. Mereka lebih cenderung kepada perbankan konvensional dan pelaburan yang menjanjikan pulangan keuntungan yang tinggi (Mahamad & Tahir, 2010). Orang bukan Islam beranggapan bahawa SPI adalah untuk orang Islam sahaja sedangkan SPI terbuka kepada semua dan kesemua produknya berlandaskan nilai-nilai moral yang baik. Oleh itu, penglibatan golongan bukan Islam dalam angka yang besar dapat memberikan kesan yang sangat positif kepada produktiviti SPI dan memberikan kesedaran kepada rakyat Malaysia secara keseluruhannya bahawa SPI juga terbuka kepada orang bukan Islam.

LATAR BELAKANG KAJIAN

SPI menunjukkan prestasi yang meningkat dari tahun ke tahun namun dalam kadar yang perlahan. Menurut data yang diperolehi daripada Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran oleh Bank Negara Malaysia (BNM) tahun 2016, jumlah aset industri SPI menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun namun kadar peningkatan adalah lebih perlahan pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 iaitu 8.3% berbanding 11.5%. Industri takaful juga merekodkan pertumbuhan yang lebih baik yang mana sumbangannya pada tahun 2015 adalah sebanyak RM6.8 billion meningkat kepada RM7.5 billion pada tahun 2016 (BNM, 2016). Ini menunjukkan bahawa potensi untuk SPI untuk terus berkembang adalah positif berikutan penerimaan dan daya saing produk dan perkhidmatan yang ditawarkan dalam perbankan Islam. Dengan ini, sistem kewangan Islam dapat mencapai kemajuan dalam memenuhi keperluan ekonomi negara yang memerlukan pembiayaan berlandaskan kepada Syariah yang lebih inovatif dalam pelbagai bentuk.

Penyelidikan ini dijalankan dalam kalangan pelajar bukan Islam di UKM. Gelagat responden dikaji dari segi kesedaran mereka dalam memilih SPI sama ada faktor keuntungan menjadi dorongan utama keputusan mereka dalam memilih sistem perbankan. Kajian ini akan menentukan sama ada kekurangan hebahan dalam menguar-uarkan kebaikan dan kelebihan yang terdapat pada perbankan Islam. Kesedaran terhadap SPI seharusnya dipupuk sejak kecil agar mereka terbiasa dengan produk dan perkhidmatan yang tidak berprinsipkan riba, *gharar*, perjudian dan penipuan. Peningkatan kesedaran dalam kalangan pelajar bukan

Islam boleh membawa kepada pertumbuhan yang lebih baik kepada SPI pada masa hadapan. Hal ini kerana penawaran produk SPI ini tidak hanya terhad kepada mereka yang beragama Islam sahaja.

Ketulusan dan disiplin yang ditunjukkan dalam struktur organisasi SPI perlulah diuar-uarkan kerana memberikan kebaikan yang menyeluruh. Pengawalseliaan yang ditunjukkan dalam bidang kewangan Islam adalah semakin berkembang. Ini membuktikan bahawa SPI mampu memperkukuhkan daya tahan institusi dan kestabilan sistem perbankan mereka. Namun, perkembangan prestasi yang ditunjukkan oleh SPI adalah perlahan dan dikhuatiri semakin merosot jika permintaan dari segmen masyarakat bukan Islam adalah rendah. Pelajar adalah gambaran generasi akan datang. Kesedaran, pengetahuan, latar belakang dan pendidikan mereka memainkan peranan dalam mempengaruhi mereka untuk meminta perkhidmatan perbankan Islam pada masa depan. Dengan itu, kajian ini mengkaji sejauh manakah faktor-faktor ini mempengaruhi permintaan perbankan Islam di kalangan pelajar bukan Islam. Secara spesifik, objektif kajian ini dilaksanakan untuk mengetahui tahap kesedaran pelajar bukan Islam di UKM terhadap SPI. Selain itu, kajian ini juga bermatlamat mengkaji persepsi dan pandangan pelajar bukan Islam terhadap produk dan perkhidmatan SPI yang berlandaskan kepada prinsip Syariah. Kajian ini penting kerana kajian ini dapat mengemukakan sama ada maklumat mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh SPI menarik minat pelajar bukan Islam atau tidak. Seterusnya, hal tersebut dapat mendedahkan potensi perkembangan perbankan Islam pada masa akan datang apabila permintaan segmen masyarakat bukan Islam meningkat.

Kajian ini dibahagikan kepada beberapa bahagian utama. Bahagian pertama adalah pengenalan diikuti oleh latar belakang kajian yang mana ianya merangkumi pemasalah kajian, objektif kajian dan kesignifikan kajian. Bahagian selanjutnya iaitu sorotan kajian yang membincangkan mengenai kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini. Bahagian seterusnya akan diikuti dengan metodologi, hasil kajian, perbincangan kajian, implikasi dasar, dan akhirnya ditutup dengan kesimpulan.

KAJIAN LEPAS

Kajian yang dilakukan oleh Faiz (2010) menunjukkan kepentingan SPI dalam pembahagian risiko kredit yang menggariskan panduan dan tanggungjawab Syariah. Hal ini kerana perbankan Islam tidak membenarkan riba dan

unsur-unsur penindasan yang hanya menguntungkan sebelah pihak sahaja. Perbankan Islam mempunyai kredibiliti yang lebih baik berbanding dengan bank konvensional tentang aspek daya tahan terhadap kejatuhan krisis kewangan global (Faiz, 2010). SPI merupakan sistem kewangan yang menawarkan produk dan perkhidmatan yang direka untuk mematuhi prinsip-prinsip utama Syariah (hukum Islam) dan mempunyai disiplin yang tersendiri (Abdullah, 2013). Kajian Noh dan Samsudin (2017) menunjukkan perbandingan yang jelas antara SPI dengan perbankan konvensional. Hasil kajian tersebut menunjukkan ketahanan SPI dalam menghadapi risiko kredit adalah lebih baik dari perbankan secara konvensional. Jelaslah, penggunaan SPI memberikan kelebihan kepada pengguna yang bukan sahaja tertumpu pada orang yang beragama Islam sahaja.

Faiz (2010) meneliti perbandingan kredibiliti antara bank Islam dan bank konvensional antara tahun 1993 hingga tahun 2010. Penemuan mereka menunjukkan bank yang mengamalkan SPI mempunyai kedudukan kewangan yang lebih baik dan tidak terpengaruh dengan signifikan terhadap kekuatan kedudukan perbankan yang lain. Jelaslah bahawa SPI sangat stabil dalam menghadapi krisis yang melanda tanpa membebankan pelanggan mereka dan membendung unsur-undur perjudian. Keutuhan SPI sepatutnya menjadi pertimbangan pelanggan dalam membuat pilihan untuk perkhidmatan perbankan mereka.

Semasa berlaku kegawatan ekonomi global pada tahun 2007 akibat dari kes pinjaman dan penssekuritan bon Subprima yang telah menjejaskan syarikat-syarikat besar di Bursa Saham Wall Street, SPI telah menunjukkan kemampuannya dalam mengekalkan prestasi yang menjadi penyelamat kepada kegawatan tersebut (Fauzi, Abdullah, Basik dan Muhammad, 2016). Ini terbukti bahawa SPI mampu menangani kegawatan ekonomi dalam pasaran modal. Produk dan perkhidmatan dari SPI juga semakin bertambah dan meluas kerana usaha mereka dalam memenuhi keperluan pengguna sama ada untuk pasaran di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

SPI bukan sahaja bermotifkan keuntungan tetapi juga mengambil faktor keagamaan yang mana menggariskan keadilan dalam perkongsian keuntungan iaitu penggunaan prinsip *Mudharabah*. Dalam penawaran produk dan perkhidmatan, SPI mengutamakan sesuatu yang halal dan baik bagi menjamin keselamatan pengguna (Fauzi, Abdullah, Basik dan Muhammad, 2016). Maka jelaslah kebaikan yang ada pada SPI memberikan kebaikan yang menyeluruh kepada mereka yang menggunakan sistem

tersebut.

SPI bukanlah hanya tertumpu kepada orang Islam tetapi terbuka juga kepada orang bukan Islam. Di Malaysia, rakyat Malaysia berjumlah 30 juta, yang mana kira-kira 60% daripada penduduk adalah beragama Islam manakala bakinya adalah bukan Islam, maka dengan peratusan ini adalah sangat penting untuk dimanfaatkan bagi perkembangan SPI (Abdullah, 2013). Ini bermaksud terdapat kira-kira 12 juta rakyat yang bukan beragama Islam di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa peluang untuk SPI di Malaysia berkembang adalah dengan mensasarkan kepada orang bukan Islam. Sokongan yang padu dari rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam dapat memperluaskan SPI ke tahap yang lebih baik dan memberikan impak yang besar kepada masyarakat dunia. Namun begitu, Mahamad dan Tahir (2010) mendapati kebanyakan masyarakat bukan Islam lebih menyakini sistem perbankan konvensional berbanding perbankan Islam dan tidak berminat untuk menggunakan perbankan Islam. Antara faktor penting yang mempengaruhi mereka adalah faedah yang tinggi (Mahamad dan Tahir, 2010). Malahan, Yamo (2013) mendapati bahawa kebanyakan penduduk di Selatan Thailand tidak faham tentang SPI dan beranggapan bahawa bank Islam itu hanya untuk orang Islam sahaja. Dahlan (2014) mendapati bahawa pengetahuan dan pemahaman adalah faktor penting dalam mempengaruhi persepsi responden.

Kajian oleh Anang, Koris dan Alipiah (2004), dijalankan untuk melihat penerimaan masyarakat di Terengganu terhadap SPI. Hasil kajian mendapati bahawa masyarakat Terengganu cenderung dengan SPI dalam penggunaan produk akaun semasa dan akaun simpanan. Hal ini kerana produk tersebut memenuhi kriteria yang mengikuti prinsip Syariah walaupun mereka tidak memahami sepenuhnya prinsip tersebut.

Dalam ajaran Islam, segala bentuk riba adalah haram yang sangat dilarang. Perbankan konvensional adalah bank yang menjalankan sistem perbankan yang berasaskan riba yang membawa maksud bertambah, meningkat dan berkembang. Al-Quran menjelaskan bahawa “Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba” (Al-Baqarah 2:275). Hal ini kerana riba adalah suatu bentuk tambahan atau lebih dalam pertukaran yang tidak disertai dengan pulangan setimpal yang membawa kepada bentuk penganiayaan kepada pelanggannya (Borhan, 2001). Pengharaman riba juga berkait dengan elemen spekulatif (Hamzah, 2016). Pengharaman riba turut dinyatakan dalam ajaran agama Hindu, Buddha dan Kristian (Shahar, Zan & Hassin, 2016).

Perbankan Islam secara khususnya merupakan perbankan yang bebas daripada amalan riba dan

berasaskan kepada prinsip-prinsip *mua'malah* Islam (Borhan, 2000). Kadar faedah yang digunakan oleh perbankan konvensional adalah salah satu bentuk riba. Dari aspek Syariah, jelas menyatakan bahawa kadar faedah memenuhi kriteria yang ada pada riba iaitu pertambahan ke atas jumlah pinjaman, pertambahan ditetapkan terlebih dahulu dan kadar pertambahan berasaskan faktor masa (Borhan, 2000). Maka dengan adanya sistem perbankan secara Islam yang mengharamkan konsep riba, keadilan dapat dilaksanakan kerana ciri-ciri penting dalam kewangan Islam adalah sifat tolong-menolong antara satu sama lain, dan urusan yang dilakukan mestilah disertakan dengan persetujuan bersama dan mengamalkan sifat *Mahmudah* serta bebas dari segala larangan yang melanggar prinsip Syariah.

Kajian yang telah dilakukan oleh Ahmad dan Ismail (2011) menjelaskan tentang produk pembiayaan yang ditawarkan oleh SPI. SPI sangatlah penting untuk memberikan kemudahan dan jalan alternatif yang baik dan berlandaskan Syariah kepada masyarakat Islam. Pembiayaan peribadi adalah satu bentuk produk yang sangat penting kepada masyarakat dalam menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Oleh itu, penjelasan yang kukuh perlu diberikan kepada masyarakat bukan sahaja yang beragama Islam tetapi juga kepada masyarakat yang bukan Islam dalam memilih SPI sebagai alternatif mereka mencari pembiayaan peribadi yang menguntungkan mereka. Pembiayaan peribadi umumnya adalah satu kemudahan kewangan yang merangkumi pembiayaan untuk mendapatkan kemudahan tunai atau memudahkan cara seseorang mendapatkan sesuatu barang atau perkhidmatan untuk kegunaan peribadi secara bayaran mudah (Ahmad dan Ismail, 2011).

Perbankan Islam perlu dikembangkan dan diamalkan oleh semua pihak sebagai satu usaha untuk mengelakkan penggunaan transaksi yang berasaskan riba. Perbankan Islam telah menawarkan pelbagai bentuk produk dan perkhidmatan yang selari dengan Syariah yang mana alternatif ini memberikan keuntungan atas pulangan kepada setiap pihak di dalam sesuatu akad dalam bentuk kadar nisbah seperti $\frac{1}{2}$, $\frac{1}{3}$, dan $\frac{1}{4}$ dan kerugian akan ditanggung oleh pemilik pembiayaan modal yang bergantung kepada sumbangan modal mereka (Borhan, 2000).

Beberapa laporan dari Bank Muamalat telah merekodkan pandangan masyarakat bukan Islam tentang pandangan mereka terhadap produk SPI dari serata dunia. Menurut Ketua Pengarah Majalah bagi Journal de Finance (Fauzi, Abdullah, Basik dan Muhammad, 2016), beliau dengan beraninya menulis rencana yang bertajuk “Apakah Wall Street sudah layak untuk menerapkan prinsip-prinsip Syariah Islam?”. Hal

ini kerana beliau berpendapat bahawa SPI mempunyai ketahanan risiko kredit dalam menghadapi krisis pasaran global yang sudah jelas merupakan jalan penyelesaian kepada pasaran kapitalis (Fauzi, Abdullah, Basik dan Muhammad, 2016). Namun masih lagi dinafikan untuk penggunaannya kerana terlalu bercanggah dengan ego yang dibawakan oleh pemikir Barat. Tambahan lagi, Loretta Napoleoni (Fauzi, Abdullah, Basik dan Muhammad, 2016) iaitu seorang penulis dan pengkaji bagi negara Itali telah mengeluarkan kenyataan bahawa, semasa berlaku krisis pasaran global, Islamic Bank of Britian (IBB) telah mencatatkan peningkatan pelanggan sebanyak 13 peratus. Dalam peningkatan pelanggan tersebut, kebanyakannya bukanlah beragama Islam. Jelaslah kemampuan SPI telah membuka mata masyarakat Barat yang bukan beragama Islam akan perjuangan SPI dalam mengelakkan penindasan dan memberikan keuntungan yang saksama.

Ringkasnya, perbankan Islam boleh berkembang lebih pesat jika diterima bukan sahaja oleh masyarakat Islam, malah turut disokong oleh permintaan dari kalangan masyarakat bukan Islam. Namun, kajian sedia ada hanya mengkaji permintaan semasa dalam kalangan masyarakat awam seperti Anang, Koris dan Alipiah (2004), Yamo (2013) dan Mahamad dan Tahir (2010). Manakala, kajian mengenai potensi permintaan akan datang masih terhad. Oleh itu, kajian ini melihat sejauh mana penerimaan masyarakat bukan Islam dengan meninjau kesedaran pelajar bukan Islam mengenai sistem perbankan Islam yang akan menentukan perkembangan perbankan Islam pada masa akan datang apabila mereka bekerja atau berniaga.

METODOLOGI

Bahagian ini membincangkan pendekatan yang digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan data. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah kualitatif ini diaplikasikan dalam bentuk temu bual bersemuka secara langsung dengan responden untuk mengumpulkan data yang lebih lengkap.

Penyelidikan Kualitatif

Kajian ini merupakan pendekatan kualitatif. Penyelidikan kualitatif bermaksud kajian yang memerlukan pemerhatian yang teliti dalam menjalankan kajian. Kaedah ini tidak memerlukan jumlah responden yang ramai tetapi memperolehi maklumat yang berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil dalam satu kumpulan (Hua, 2016). Sterns, Schweikhardt dan Peyterson pada tahun

1998 menyifatkan penggunaan pendekatan kualitatif terutamanya kajian kes sebagai satu kaedah untuk mengumpul data, membangun dan menguji teori bagi penyelidikan yang masih kurang diterokai (Senik, Isa, Sham dan Zabir, 2016). Pendekatan kualitatif akan melibatkan proses pengumpulan data untuk pengiraan ciri-ciri, fakta atau ukuran ke atas sesuatu peristiwa yang boleh dikira. Kajian Hua (2016) menyatakan yang kaedah kualitatif ini melibatkan data dipungut secara kaedah temu bual atau pemerhatian mendalam. Maka kajian ini sesuai dengan kaedah kualitatif iaitu pungutan data secara temu bual.

Kaedah Temu Bual

Kaedah temu bual adalah salah satu jenis pengumpulan data primer yang merupakan sumber asli yang dikumpul untuk menjawab persoalan kajian. Kaedah ini terbahagi kepada dua iaitu secara pasif dan aktif. Dalam kajian ini, pengkaji boleh menggunakan metod data primer secara aktif yang mana temu bual dilakukan secara langsung atau tidak langsung dengan responden. Pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual mendalam secara langsung yang bermaksud pengkaji akan bersemuka dengan responden bagi melakukan penyelidikan untuk mendapatkan informasi yang lebih lengkap. Menurut Merriam (2009), kaedah temu bual sangat berguna untuk memperoleh maklumat yang mendalam mengenai sesuatu perkara yang sukar diperoleh melalui pemerhatian. Untuk itu, pengkaji telah menyediakan soalan sebelum menemu bual responden untuk mendapatkan maklumat kajian. Faktor yang mempengaruhi kesedaran diolah berdasarkan kajian oleh Wahid, Ahmad dan Noor (2007). Namun, kajian tersebut menggunakan kaedah soal selidik. Soalan temubual adalah seperti dalam Jadual 1.

Seramai 5 orang pelajar bukan Islam di UKM dipilih sebagai responden kajian berdasarkan kriteria berikut: 1) beragama selain agama Islam, 2) merupakan mahasisiwa mahasiswi sepenuh masa di UKM, 3) mempunyai pendapatan atau elaun sara diri di bawah RM500 sebulan, dan 4) menggunakan sistem perbankan secara kerap. Profil responden dinyatakan dalam Jadual 2. Walau bagaimanapun, nama-nama responden yang terlibat dalam kajian ini disamarkan bagi tujuan kerahsiaan.

HASIL KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan hasil daripada temubual pengkaji bersama pelajar bukan Islam yang menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

JADUAL 1. Soalan temubual berbentuk berstruktur.

Tema	Soalan
Pengetahuan	<ol style="list-style-type: none"> 1) Adakah nama perbankan yang anda ketahui menjalankan sistem perbankan Islam? 2) Adakah anda mengetahui kelebihan SPI berbanding bank Konvensional? 3) Adakah anda mengetahui bahawa SPI tidak hanya terbuka kepada orang yang beragama Islam sahaja? 4) Bagaimanakah sistem SPI ini boleh membantu meningkatkan minat anda untuk menggunakannya?
Kesedaran	<ol style="list-style-type: none"> 1) Jenis perbankan yang anda gunakan sekarang (sila nyatakan), 2) Adakah kelebihan yang anda tahu? 3) Adakah kelebihan yang menarik minat anda untuk menggunakannya? 4) Adakah anda tertarik dengan amalan Syariah yang dijalankan oleh SPI? Sila nyatakan alasan anda. 5) Adakah produk dan perkhidmatan yang anda ketahui dari SPI? 6) Adakah faktor yang mendorong anda untuk memilih sesuatu sistem perbankan?
Latar Belakang	<ol style="list-style-type: none"> 1) Adakah ahli keluarga anda ada menggunakan SPI? 2) Bolehkah anda menerangkan lebih lanjut jenis perbankan yang digunakan oleh ahli keluarga anda? 3) Adakah perkembangan/ kesan yang telah berlaku kepada ahli keluarga anda setelah menggunakan sistem perbankan tersebut? 4) Semasa di zaman persekolahan, apakah jenis sekolah menengah yang jadi pilihan anda?
Taraf Pendidikan	<ol style="list-style-type: none"> 1) Pernahkah anda menyertai apa-apa program / kelas yang menerangkan tentang sistem perbankan Islam? Jika ya, sila nyatakan dengan jelas. 2) Bagaimanakah kelas/program tersebut dapat membantu anda dalam memahami sistem perbankan Islam? 3) Adakah anda bersetuju bahawa sistem perbankan Islam adalah lebih baik daripada sistem perbankan konvensional? Sila nyatakan alasan anda. 4) Sebagai bukan Islam, apakah pendapat anda tentang prosedur SPI yang mengamalkan keuntungan bersama antara pelanggan dan pihak bank?
Konsep riba (kadar faedah)	<ol style="list-style-type: none"> 1) Adakah kadar faedah merupakan sesuatu yang baik dalam perbankan? 2) Seorang pelanggan ingin membuat pinjaman peribadi RM5000, sistem perbankan yang manakah anda cadangkan kepadanya? <ol style="list-style-type: none"> a) SPI – guna konsep Tawarruq – tiada kadar faedah dan caj tambahan > $RM5000 + 8\%$ kadar keuntungan setiap tahun b) Perbankan Konvensional – ada kadar faedah dan segala caj tambahan > $RM5000 + 6.5\%$ sebulan + caj tambahan (seperti penalti lambat bayar dan perubahan kadar bunga) 3) Adakah pandangan anda terhadap caj tambahan (riba) yang dikenakan oleh perbankan konvensional? 4) Adakah anda sedar bahawa caj tambahan seperti penalti lambat bayar yang dikenakan oleh perbankan konvensional merupakan pendapatan bank manakala denda lambat bayar oleh perbankan Islam akan diagihkan untuk tujuan kebajikan? 5) Adakah anda sedar bahawa setiap caj tambahan yang dikenakan oleh bank konvensional akan berganda (dikompaun) manakala perbankan Islam tiada kompaun?

JADUAL 2. Maklumat peribadi responden yang ditemu bual

Bil	Nama responden	Umur	Jantina	Fakulti	Tahun Pengajian	Bangsa	Sekolah Menengah
1.	Responden 1	25	Perempuan	FEP	3	India	SMK (P) Methodist Klang
2.	Responden 2	23	Perempuan	FTSM	3	Cina	SMJK Chung Hwa Confucion
3.	Responden 3	23	Perempuan	FTSM	3	Cina	SMJK Heng Ee
4.	Responden 4	24	Perempuan	FKAB	3	Cina	SMK Seri Bintang Selatan
5.	Responden 5	23	Perempuan	FTSM	3	Cina	SMJK Hwa Lian Mentakab, Pahang

Dalam hasil kajian ini, pengkaji akan membincangkan hasil dapatan yang diperolehi daripada temubual bersama pelajar bukan Islam di UKM. Hasil perbincangan ini dapat dirumuskan dalam lima tema iaitu pengetahuan, kesedaran, latar belakang, taraf pendidikan dan konsep riba (kadar faedah). Tema tersebut selaras dengan objektif kajian iaitu untuk mengetahui tahap kesedaran pelajar bukan Islam di UKM terhadap SPI dan mengkaji persepsi dan pandangan pelajar bukan Islam terhadap produk dan perkhidmatan SPI yang berlandaskan kepada prinsip Syariah. Pengkaji menemubual 5 orang responden yang terdiri daripada pelajar bukan Islam dari pelbagai fakulti yang menuntut ilmu di UKM.

Tema 1: Pengetahuan

Menurut Muhammad (2014) salah satu faktor paling berkesan dalam mengembangkan produk SPI di kalangan masyarakat adalah pengetahuan yang mana pengetahuan merupakan pengalaman sebenar yang tersimpan dalam kesedaran manusia. Pengetahuan ini bermaksud informasi yang dimiliki seseorang individu sama ada diperolehi melalui media seperti iklan, media sosial serta melalui pengamatan seseorang. Melalui sesi temubual, kelima-lima responden mengetahui bahawa terdapat bank di Malaysia yang mengamalkan SPI seperti Bank Islam, CIMB Islamic Bank dan Bank Simpanan Nasional (BSN). Berdasarkan daripada perkongsian mereka kepada pengkaji, hanya seorang responden yang mengetahui akan perkhidmatan SPI yang bebas dari riba namun responden beranggapan bahawa amalan bebas riba tersebut hanyalah untuk umat Islam sahaja.

“Saya tahu yang SPI ini bebas dari kadar faedah dan sumbernya yang halal tetapi hanya untuk orang Islam sahaja”. (responden 1)

Semua responden beranggapan yang SPI hanyalah untuk mereka yang beragama Islam sahaja. Seperti yang diterangkan oleh responden 3:

“Setahu saya, produk SPI ini untuk orang Islam sahaja”. (responden 3)

Kesemua responden sebenarnya mempunyai akaun Bank Islam yang mana merupakan syarat wajib untuk berdaftar di UKM, namun mereka secara tidak mengetahui akan akaun bank Islam yang mereka miliki tersebut kerana tujuan mereka membuka akaun itu hanyalah sekadar syarat untuk memasuki IPTA iaitu UKM. Jadi ini terbukti bahawa SPI ini tidaklah mensyaratkan beragama Islam sahaja untuk menggunakannya.

Hebahan mempengaruhi tahap pengetahuan seseorang. Mahamad dan Tahir (2010) mendapati bahawa tahap pengetahuan masyarakat bukan Islam adalah rendah dan terhad kepada maklumat daripada akhbar dan televisyen sahaja. Pada pendapat responden, hebahan tentang SPI ini tidak berjaya dalam meningkatkan pengetahuan mereka. Responden 3 telah mencadangkan cara hebahan yang mungkin berkesan dalam menarik minat pelajar bukan Islam:

“Bagi saya, bank-bank yang mengamalkan SPI perlulah lakukan lebih banyak promosi terutamanya melalui media sosial”. (responden 3).

Begitu juga responden 4 mencadangkan sistem perbankan secara atas talian ditingkatkan keefisienannya:

“Saya tak tahu sama ada SPI ini boleh tarik minat saya atau tidak tetapi masa saya guna online banking Bank Islam, hanya terdapat beberapa online shopping sahaja yang boleh guna, jadi diharapkan untuk masa depan ditingkatkan penggunaannya”. (responden 4)

Tema 2: Kesedaran

Keutamaan perbankan konvensional yang ditubuhkan adalah semata-mata demi mendapatkan keuntungan yang maksimum. Oleh itu, setiap bank Islam seharusnya memainkan peranan dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat bahawa bank Islam mempunyai banyak perbezaan daripada bank konvensional (Ismail, 2010). Kesemua responden adalah pelajar yang belajar di UKM. Mereka telah membuka akaun Bank Islam sebagai syarat wajib untuk urusan kewangan di UKM. Mereka secara tidak sedar akan pembukaan akaun tersebut kerana tujuan mereka membuka akaun Bank Islam tersebut hanyalah untuk tujuan pendidikan semata-mata. Semua responden lebih memilih bank konvensional untuk kegunaan harian mereka seperti Maybank, Public Bank dan CIMB Bank. Banyak kelebihan yang mereka kongsi kepada pengkaji tentang bank yang mereka gunakan dan menjadi faktor penarik mereka kekal setia dengan bank tersebut. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh responden 1:

“CIMB bank mempunyai sistem online banking yang mudah dan cepat. Penggunaannya tak rumit dan saya mudah faham dan pihak bank tidak melakukan hebahan yang menjengkelkan seperti mesej-mesej yang menanyakan tentang penggunaan kad kredit dan sebagainya”. (responden 1).

Responden 4 dan 5 juga menyatakan pendapat yang sama namun pada penggunaan yang berbeza:

“Saya suka guna online banking Maybank kerana setiap hujung minggu mereka ada buat promosi istimewa untuk online shopping, beli tiket wayang pun akan dapat separuh harga bila bayar secara visa. Yang paling memudahkan saya adalah apabila saya makan di restoran saya boleh bayar secara visa dan juga dapat diskaun atas penggunaannya”. (responden 4)

“Saya guna Maybank kerana mereka convenient

maksudnya saya mudah dapat cari mesin ATM mereka di kawasan perumahan mahupun di tempat belajar”. (responden 5).

Di samping itu, 4/5 daripada responden menunjukkan respon yang kurang menarik akan amalan Syariah yang menjadi garis ukur dan panduan dalam SPI. Amalan Syariah tersebut dikatakan tidak mendatangkan keuntungan kepada mana-mana pihak. Seperti yang dijelaskan oleh responden:

“Saya tidak tertarik kerana saya rasakan kadar faedah yang dikenakan oleh bank konvensional masih baik terutamanya kepada pihak bank”. (responden 4).

Begitu juga dengan reponden 5 menjelaskan:

“Amalan ini tidak baik bagi saya kerana saya akan lihat pada kadar interest yang menguntungkan, SPI tiada kadar faedah jadi tak untung lah”. (responden 5).

Namun terdapat seorang responden yang menyatakan minat untuk mengetahui lebih lanjut akan produk dan perkhidmatan dalam SPI.

“Saya tertarik sebab saya belum pernah gunakan perbankan yang menjalankan SPI sebelum ini, saya tertarik dengan konsep mudharabah (kongsi untung) dan musyarakah (usaha sama) yang mana tidak melibatkan kadar faedah”. (responden 1).

Selanjutnya, kebanyakan responden menyatakan faktor *convenient* iaitu mudah dan cepat adalah antara faktor utama mereka memilih sesuatu perbankan. Ini ditambah pula dengan lebih banyak mesin ATM di kawasan sekeliling mereka adalah lebih baik. Hal ini kerana sebagai seseorang yang masih belajar, kebanyakan urusan adalah secara tunai maka, adalah sangat bagus jika mesin ATM mudah dijumpai. Penggunaan *online banking* yang efisien untuk pembayaran secara atas talian juga menjadi faktor penting dalam pilihan mereka. Ini memudahkan mereka membuat transaksi serta menikmati diskaun yang ditawarkan melalui perbankan atas talian tersebut. Penjelasan responden 2 membuktikan akan faktor tersebut:

“Maybank ada buat QR code yang mana ianya sangat memudahkan untuk bayaran serta saya tak perlu ingat no pin, saya hanya perlu scan QR code tersebut”. (responden 2).

Responden 3 juga menjelaskan bahawa:

“Saya akan guna perbankan yang mudah dan cepat serta faktor lokasi bagi mesin ATM yang

dekat dengan kawasan perumahan saya. Kalau di UKM pula mesin ATM Bank Islam banyak dan mudah dijumpai". (responden 3)

Tema 3: Latar Belakang

Menurut Saputra dan Anwar (2019), dalam usaha mengembangkan bank Islam, tidak cukup untuk fokus pada aspek hukum dan peraturan, tetapi mereka juga perlu fokus pada pasaran dan orang-orang yang menggunakan perbankan (pelanggan). Perilaku pelanggan dalam menggunakan produk perbankan dapat dipengaruhi oleh sikap dan persepsi tentang ciri-ciri sistem perbankan itu sendiri. Hasil temubual yang dijalankan mendapati bahawa, kesemua ahli keluarga responden tidak mempunyai akaun bank yang menjalankan SPI. Mereka hanya memilih perbankan yang mengamalkan sistem perbankan konvensional sahaja seperti CIMB, Maybank dan Public Bank. Semenjak mereka menggunakan akaun-akaun tersebut, tiada permasalahan yang timbul dan segalanya berjalan lancar. Responden juga menyatakan bahawa ahli keluarga mereka pernah mendapat kadar faedah yang tinggi atas penggunaan simpanan tetap.

"Mak saya pernah buat simpanan tetap di Maybank dan dapat kadar faedah/pulangan yang banyak walaupun hanya simpan selama 2 tahun sahaja". (responden 1)

"Mama saya ada buat simpanan tetap di Hong Leong Bank dan simpan selama setahun. Walaupun setahun, kami dapat menikmati keuntungan yang banyak". (responden 3).

Seramai 4/5 daripada responden bersekolah di sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC). Seorang sahaja yang bersekolah di sekolah menengah kebangsaan (SMK). Mereka kurang terdedah dengan istilah agama Islam kerana bersekolah di sekolah yang tidak menitikberatkan nilai agama Islam. Hal ini menyebabkan mereka kurang pendedahan akan amalan SPI yang berpandukan Syariah. Ini menunjukkan bahawa faktor pendidikan memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat tentang SPI.

Tema 4: Taraf Pendidikan

Pendedahan mengenai SPI kepada semua responden adalah sangat kecil. Seramai 3/5 daripada responden pernah menyertai kelas atau kursus yang memberi pendedahan kepada mereka tentang konsep SPI. Walau bagaimanapun, pendedahan tersebut hanyalah

pada tahap asas sahaja. Ini dapat dibuktikan dengan penjelasan dari responden 1:

"Saya ada ambil subjek System Banking in Malaysia sewaktu zaman diploma dulu, subjek tersebut ada subtopik tentang SPI, saya suka akan pensyarah yang mengajar subjek itu kerana beliau mengajar tentang riba dan membantu saya untuk lulus dalam peperiksaan bagi subjek tersebut". (responden 1)

Begitu juga dengan responden 3 mengatakan:

"Semasa saya SPM saya ambil subjek ekonomi dan cikgu menerangkan tentang dividen sebagai pulangan kepada pelanggan". (responden 3)

Namun, pendedahan melalui subjek yang diambil masih tidak mampu membantu mereka dalam mengenal pasti akan perbezaan SPI dengan bank konvensional. Kesemua responden masih memilih sistem perbankan konvensional kerana tertarik dengan keuntungan (kadar faedah) yang dijanjikan oleh bank untuk mereka yang membuka simpanan tetap. Ini jelas dengan respon dari responden 1:

"Saya rasa neutral sahaja akan perbezaan SPI dengan bank konvensional yang saya gunakan sekarang sebab so far, tiada apa-apa masalah yang timbul". (responden 1).

Begitu juga dengan penjelasan dari responden 3:

"Saya tak boleh buat perbandingan kerana belum terdedah dengan sistem SPI lagi. Saya masih memilih bank konvensional kerana sifatnya yang convenient". (responden 3).

Produk atau perkhidmatan dalam SPI mengamalkan keuntungan bersama antara pihak bank dengan pelanggan. Kesemua responden memberikan respon yang positif akan amalan tersebut malah dapat meningkatkan minat mereka untuk mengetahui lebih lanjut akan amalan SPI ini yang boleh membantu mereka untuk masa depan. Responden 1 memberikan penjelasan yang tentang pandangannya:

"Amalan tersebut adalah satu idea yang bernas kerana duit datang dari pelanggan, jadi bila ada amalan yang mengamalkan keuntungan bersama antara pihak bank dan pelanggan, ini akan menghasilkan sistem yang lebih adil apabila pelanggan juga mengetahui berapa banyak yang pihak bank dapat. Ini akan meningkatkan lagi kepercayaan pelanggan kepada prestasi bank tersebut". (responden 1)

Responden 2 dan 4 juga memberikan komen yang positif iaitu:

'saya setuju dengan amalan ini kerana ianya adalah lebih baik kepada pelanggan mengetahui apa yang pihak bank juga dapat' (responden 2)

'Saya suka dengan amalan ini kerana lebih menjaga kebajikan pelanggan dan pulangan keuntungan yang sama rata adalah lebih seronok. Saya perlukan lebih banyak informasi untuk melabur di SPI kelak'. (responden 4).

Kesemua responden memberikan maklum balas yang baik akan SPI dan mereka menunjukkan peningkatan dalam memahami SPI lebih lanjut. Responden semakin terbuka untuk mempelajari amalan SPI ini dengan lebih mendalam lagi untuk kegunaan masa depan mereka. Ini menunjukkan peluang untuk menarik minat pelajar bukan Islam untuk menggunakan SPI di masa depan adalah positif.

Tema 5: Konsep Riba (Kadar Faedah)

Menurut kajian Rahim (2015) riba membawa maksud tambahan yang mana pengambilan tambahan, baik dalam transaksi jual beli mahupun pinjam-meminjam adalah batil kerana bertentangan dengan prinsip muamalat dalam Islam. Berdasarkan maklum balas yang diberikan semasa sesi temubual, kesemua responden bersetuju dengan amalan kadar faedah yang dikenakan oleh perbankan konvensional. Bagi mereka, keuntungan yang paling maksimum adalah keutamaan mereka dalam perbankan terutamanya dalam pembukaan akaun simpanan tetap. Namun mereka mengeluh akan kadar faedah atas pinjaman yang dikenakan oleh perbankan konvensional.

"Kadar faedah penting bagi pulangan untuk simpanan tetap, saya akan mencari bank yang menawarkan kadar faedah yang terbaik untuk saya laburkan tetapi kadar faedah atas pinjaman adalah sesuatu yang tak bagus". (responden 1)

Responden 3 juga berkongsi sentimen yang sama, seperti yang dijelaskannya:

"Saya setuju untuk pulangan keuntungan atas simpanan tetap tetapi kalau untuk orang miskin kesianlah mereka sebab terbeban kepada mereka yang buat pinjaman peribadi". (responden 3)

Namun, responden 4 tidak menentang akan caj tambahan (kadar faedah) yang dikenakan oleh bank konvensional, beliau menyatakan bahawa:

"Kadar faedah yang dikenakan adalah sesuatu yang patut untuk operasi bank, jadi pada saya caj tersebut adalah sesuatu yang munasabah untuk dikenakan". (responden 4)

Begitu juga, responden 5 menjelaskan:

"Kadar faedah itu bagus untuk perbankan, saya rasa mereka mengawal kadar faedah atas simpanan tetap kerana saya sentiasa lihat kadarnya tidak sampai 4% tetapi kadar faedah atas pinjaman kalau boleh rendahlah". (responden 5).

Kelima-lima responden bersetuju bahawa pengiraan kadar keuntungan bagi konsep *tawarruq* yang digunakan ke atas pinjaman peribadi mengikut SPI adalah terbaik berbanding sistem perbankan konvensional. Mereka melihat pada caj tambahan yang tersembunyi oleh bank konvensional adalah sesuatu yang membimbangkan. Seperti yang responden 1 jelaskan:

"Kaedah yang digunakan SPI adalah lebih baik sebab keuntungan yang dikutip adalah tetap, saya mula tak suka dengan bank konvensional kerana kadar bunga yang dikompaun. Bank hanya kaut keuntungan yang lebih dari pelanggan, ambil kesempatan terhadap pelanggan sehinggakan pelanggan sanggup pajak atau gadai aset untuk bayar pinjaman yang membebankan". (responden 1).

Responden 2 dan 5 juga turut berkongsi pandangan yang sama iaitu:

"Caj tambahan ini membebankan pelanggan untuk membayar pinjaman, saya bersetuju dengan konsep tawarruq ini kerana dilihat baik dan membantu". (responden 2).

"Saya rasa SPI lebih baik, saya baru sedar akan amalan ini dan akan pertimbangkan untuk memohon pinjaman melalui SPI di masa hadapan nanti". (responden 5).

Walau bagaimanapun, dua daripada lima responden telah menentang akan keburukan kadar faedah yang dikenakan oleh bank konvensional dan masih memilih untuk menggunakannya kerana beranggapan bahawa caj tersebut terbaik untuk operasi pihak bank yang lebih efisien. Responden 4 yakin akan kefahamannya dan menjelaskan bahawa:

"Caj tambahan tersebut bertujuan untuk operasi bank, jadi bagi saya ianya adalah sesuatu yang

baik untuk kemajuan bank tersebut”. (responden 4).

Begitu juga responden 3 menyatakan:

“Saya setuju dengan penalti lambat bayar namun kalau caj lain saya rasa ianya satu bebanan kepada pelanggan”. (responden 3).

PERBINCANGAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap kesedaran pelajar bukan Islam di UKM mengenai SPI. Berikutan dari hasil kajian yang dilakukan, dapatan menunjukkan bahawa responden menyedari akan kewujudan akaun Bank Islam yang mereka perlu buka semasa pendaftaran masuk ke UKM tetapi tidak menyedari bahawa perkhidmatan selain akaun tersebut turut terbuka juga kepada mereka yang bukan beragama Islam. Mereka seolah-olah menyatakan bahawa SPI ini hanya untuk mereka yang beragama Islam sahaja malah menghadkan penggunaan akaun bank Islam tersebut untuk bayaran yuran pendidikan semata-mata. Hasil dapatan kajian ini selaras dengan penemuan oleh Yamo (2013) melalui wawancara yang dilaksanakan antara ahli jawatan kuasa dan kakitangan bank Islam berkaitan dengan produk SPI didapati bahawa kebanyakan penduduk di Selatan Thailand tidak faham tentang SPI dan beranggapan bahawa bank Islam itu hanya untuk orang Islam sahaja.

Seterusnya, faktor latar belakang juga memainkan peranan yang mana tiada seorang pun antara responden yang mempunyai ahli keluarga yang menggunakan SPI. Ini menjadikan mereka kurang tertarik untuk menggunakannya kerana tiada contoh yang boleh diikuti. Ahli keluarga mereka sentiasa melabur dalam akaun simpanan tetap di bank konvensional dan memilih bank yang menawarkan kadar faedah atas simpanan yang lumayan. Ini selaras dengan penemuan oleh Mahamad dan Tahir (2010). Makin tinggi kadar faedah atas simpanan yang ditawarkan makin menjadi pilihan mereka. Ini menunjukkan bahawa mereka hanya menfokuskan kepada keuntungan material yang maksimum sahaja tanpa memperdulikan akan keuntungan rohani seperti yang diamalkan di SPI kerana riba bukan sahaja tidak dibenarkan dalam Islam, malah dalam agama lain ia turut tidak dibenarkan (Shahar, Zan & Hassin, 2016).

Tambahan lagi, dari segi pendidikan pula, majoriti daripada responden pernah mendapat pendidikan mengenai SPI dalam mana-mana kelas atau kursus yang pernah dihadiri. Namun begitu, ianya masih

ditahap yang rendah kerana hanya menerangkan asas SPI dan masih tidak dapat menarik minat mereka untuk mempelajarinya dengan lebih mendalam. Menurut responden, mereka hanya belajar ilmu tersebut untuk lulus dalam peperiksaan. Begitu juga, mereka tidak pernah tahu akan SPI kerana mereka mengambil aliran sains semasa di sekolah menengah. Ini menyumbang kepada tahap kesedaran yang rendah dalam kalangan pelajar yang bukan beragama Islam. Sepatutnya kesedaran ini perlu dipupuk sejak di bangku sekolah lagi, bak kata pepatah melayu ‘melentur buluh biarlah dari rebungunya’. Dapatan ini menyokong penemuan terdahulu oleh Dahlan (2014) yang menyatakan bahawa faktor pendidikan akan mempengaruhi seseorang itu bagaimana terbentuknya persepsi atau pemahaman tersendiri. Menurut beliau, pendidikan merupakan proses memberi informasi dan melatih kemampuan seseorang itu untuk menginterpretasikan sesuatu informasi dan mudah untuk memahami dan mendalaminya. Berbeza dengan Wahid, Ahmad dan Noor (2007) yang mendapati pengetahuan agama tidak signifikan dalam mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan di Malaysia.

Selanjutnya, kesedaran mereka mengenai keburukan kadar faedah juga pada tahap yang rendah. Seperti yang diterangkan sebelum ini, mereka hanya melihat kepada keuntungan material semata namun tidak melihat pada kesan akibat dari itu. Melalui pembukaan akaun simpanan tetap, mereka boleh mengaut keuntungan atas pelaburan yang dibuat. Ini menjadikan mereka memilih bank-bank yang menawarkan kadar pulangan yang paling tinggi. Ini menjadikan bank-bank konvensional menjadi pilihan utama berbanding perbankan yang mengamalkan SPI dan meningkatkan jumlah pelaburan mereka. Hasil kajian ini selaras dengan dapatan oleh Mahamad dan Tahir (2010) bahawa orang bukan Islam lebih menyakini sistem perbankan konvensional berbanding perbankan Islam dan tidak berminat untuk menggunakan perbankan Islam.

Menurut Hamzah (2017) larangan dalam penggunaan riba dan pencegahan setiap bentuk kadar faedah dari pelbagai jenis pinjaman perlu diperluaskan kerana transaksi itu berunsurkan judi dan mempunyai elemen yang berbentuk spekulatif. Ini bermaksud keuntungan material yang bakal diperoleh pelbagai pihak tidak boleh dipastikan ketetapanannya kerana wujud elemen spekulatif. Dalam hal ini, kesemua responden bersetuju akan kelebihan SPI atas perkhidmatan pinjaman peribadi yang mengamalkan konsep *tawarruq* ini adalah sangat baik kerana dilihat seperti menjaga kebajikan pelanggan. Berbanding dengan bank konvensional yang mempunyai kadar faedah yang

dikompaun dan ditambah dengan caj tambahan seperti penalti lambat bayar dan sebagainya.

IMPLIKASI DASAR

Pengkaji mendapati bahawa kebanyakan pelajar bukan Islam di UKM ini mempunyai tahap kesedaran yang rendah terhadap produk dan perkhidmatan SPI. Dari penjelasan responden kepada pengkaji mengenai pengetahuan mereka tentang SPI menunjukkan bahawa ilmu tentang SPI ada dalam diri mereka tetapi mereka mempunyai tafsiran yang salah mengenai SPI. Ini membuktikan bahawa usaha bank-bank yang menjalankan SPI tidak berjaya dalam menarik minat pelajar bukan Islam terhadap produk SPI. Antara tafsiran yang paling memberi kesan adalah kesemua responden menyatakan bahawa SPI hanyalah untuk orang yang beragama Islam sahaja. Namun, kerana faktor keterpaksaan untuk memasuki UKM, mereka perlu membuka akaun Bank Islam untuk urusan pembayaran yuran. Ini terbukti bahawa kefahaman mereka adalah salah kerana produk SPI ini bukanlah hanya untuk umat Islam sahaja tetapi terbuka kepada semua tanpa mengira kaum, agama dan bangsa.

Pihak industri perlu memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat tentang SPI. Mereka seharusnya mengambil peluang yang ada untuk meningkatkan penglibatan orang bukan Islam dalam aktiviti mereka sambil menyebarkan maklumat SPI dengan lebih luas dan tepat. Pihak industri seharusnya bekerja sama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi bagi mensasarkan pasaran mereka dengan berkesan.

Selanjutnya, pihak bank yang mengamalkan sistem perbankan secara SPI perlulah lebih progresif dalam menguar-uarkan produk dan perkhidmatan SPI. Hal ini kerana, daripada temubual jelas menunjukkan bahawa hebahan yang dilakukan oleh SPI tidak berjaya dalam menarik minat pelajar bukan Islam terhadap perbankan secara SPI. Mereka seolah-olah tidak dapat membezakan amalan SPI dengan bank konvensional. Ini menjadikan mereka tidak endah akan kebaikan daripada penggunaan perbankan secara SPI.

Pengkaji juga melihat terdapat unsur-unsur *Islamophobia* dalam diri responden. *Islamophobia* bermaksud taksiran atau salah faham akan tanggapan tentang Islam (Hussin, Ismail & Ali, 2015). Hal ini dapat dilihat bagaimana responden cuba menafikan akan kelebihan yang terdapat pada SPI pada awal temubual. Terdapat taksiran yang salah bahawa perkataan Islam untuk orang Islam sahaja. Hal ini telah membawa kepada tanggapan yang salah dan

menyebabkan mereka menghadkan diri daripada perbankan yang mengamalkan Syariah. Tanggapan salah yang paling memberikan kesan adalah bahawa perbankan yang mengamalkan SPI hanyalah terbuka kepada orang yang beragama Islam sahaja. Selain itu, tanggapan terhadap pengharaman riba memberi kesan negatif kepada pihak bank adalah sesuatu yang salah dan perlu diambil tindakan segera kerana riba hanya menguntungkan sebelah pihak.

KESIMPULAN

Tahap kesedaran dalam kalangan pelajar bukan Islam adalah sesuatu yang sangat penting bagi memastikan prestasi SPI ini sentiasa berkembang dan maju setanding dengan sistem perbankan konvensional. Kesedaran mengenai SPI bukan sahaja memberikan jaminan perbangunan SPI tetapi dapat menyebarkan satu sistem yang adil lagi saksama. SPI menekankan amalan yang adil dan segala nilai-nilai murni tanpa melibatkan penindasan kepada mana-mana pihak. Prestasi SPI yang semakin perlahan ini perlu diberi perhatian yang lebih oleh pihak berkepentingan bagi memastikan SPI ini mampu bertahan dalam jangka masa yang panjang.

Tahap kesedaran yang tinggi sangat penting bagi menjamin prestasi SPI untuk masa depan. Generasi akan datang yang bakal mencorak ekonomi negara sama ada membawa kemakmuran atau sebaliknya. Hal ini dapat dilihat akan peranan pendidikan dalam memastikan maklumat mengenai SPI mampu disebarkan dengan berkesan dan meluas. Penyebaran maklumat ini perlulah disertakan dengan penjelasan yang betul dan teliti bagi memastikan tanggapan yang salah dalam kalangan pelajar bukan Islam ini tentang SPI dapat diatasi. Dengan ini, mereka mampu mempraktikkan dalam kehidupan mereka sekaligus SPI mampu bertahan dan bersaing di peringkat global.

Justera, kajian ini juga menemuka beberapa batasan dalam melengkapkan kajian ini. Secara umumnya terdapat dua batasan dalam kajian ini. Pertama kajian ini hanya memilih kawasan sampel yang kecil iaitu hanya mengkaji pelajar bukan Islam di UKM sahaja. Kajian ini hanya melihat pada kesedaran dan pandangan di satu universiti sahaja iaitu UKM, tanpa melibatkan pelajar bukan Islam di universiti lain. Oleh itu, penemuan dan hasil kajian ini adalah tidak menyeluruh atau secara umumnya, tidak mewakili negara Malaysia. Penemuan yang lebih baik mungkin berjaya jika melihat pada tahap kesedaran pelajar bukan Islam di universiti lain juga.

Kedua, kajian ini hanya memfokuskan untuk mengukur tahap kesedaran pelajar bukan Islam di UKM

sahaja. Kajian ini tidak memfokuskan kepada punca wujudnya perbezaan persepsi. Hal ini demikian kerana tahap kesedaran yang berbeza adalah berdasarkan beberapa faktor dan punca yang berbeza. Inilah yang sepatutnya dicari untuk mengetahui apa dan kenapa tahap kesedaran itu berbeza. Penemuan ini berjaya menemukan beberapa faktor yang menyumbangkan kepada tahap kesedaran yang berbeza tentang SPI namun tidaklah menyeluruh disebabkan beberapa masalah.

Akhir sekali, penemuan kajian ini amat penting kepada pihak yang terlibat dengan amalan SPI di perbankan dan juga bagi meningkatkan prestasi SPI yang semakin perlahan. Ini bagi memastikan SPI tidak dilupakan dan diabaikan demi kesejahteraan generasi akan datang. Justeru, pelbagai pihak boleh mengambil dan menjadikan model kajian ini sebagai modul pengajaran dan rujukan untuk mendapatkan hasil yang lebih baik di masa akan datang.

RUJUKAN

- Abdullah, S. Bin (2013). Perbezaan Agama, Tahap Pendidikan Dan Umur Terhadap Kesedaran Kepada Produk Dan Perkhidmatan Perbankan Islam Dalam Kalangan Bukan Islam. *Tesis Sarjana Muda, Uum* 53(9): 1689–1699.
- Ahmad, M. F., Ismail, M. A. (2011). Pendekatan Baru Pembiayaan Peribadi Satu Cadangan. *Dalam Prosiding PERKEM Bangi, UKM*:178-183
- Anang, Z., Koris, R., & Alipiah, R. M. (2004). Perbankan Islam Dan Penerimaan Masyarakat Di Terengganu. *In Conference 4th International Malaysian Studies Conference; Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi*. 1-24.
- Bank Negara Malaysia (BNM) (2016). Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2016. <https://www.bnm.gov.my/files/publication/fsps/bm/2016/cp04.pdf>
- Borhan, J. T. (2001). Sistem Perbankan Islam di Malaysia: Sejarah Perkembangan, Prinsip dan Amalannya. *Jurnal Usuluddin* 14: 137-164.
- Borhan, J. T. (2000). Pemikiran Perbankan Islam: Sejarah dan Perkembangannya. *Jurnal Usuluddin*, 12, 105-128.
- Dahlan, R. (2014). Faktor-faktor Yang Memengaruhi Persepsi Nazhir Terhadap Wakaf Uang. *Al-Iqtishad: Jurnal Ilmu Ekonomi Syariah* 6(2): 305-315.
- Faiz, I. (2010). Ketahanan Kredit Perbankan Syariah Terhadap Krisis Keuangan Global. *La_Riba* 4(2): 217–237.
- Fauzi, M. H., Abdullah, M. F., Basik, N. A. A., & Muhammad, W. H. H. W. (2020). Perbankan Islam Untuk Bukan Islam dari Perspektif Syariah. <https://www.muamalat.com.my/downloads/media-room/publications/PERBANKAN-ISLAM.pdf>
- Hamzah, H. (2017). Konflik Dan Ketegangan Dalam Hukum Islam: Idealisme Dan Realisme. *Stadium*, 1(1): 1-21.
- http://www.ukm.my/news/Latest_News/ukm-catat-permohonan-pilihan-pertama-tertinggi-pelajar/ (1 Septeber 2015).
- Hua, A. K. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*1(2): 17–24.
- Hussin, A. Ismail, M. & Ali, M.Z. (2015). Islamophobia in Teaching and Learning Civilization in Malaysia: A Contributory Factors. *International Journal of Learning and teaching* 1(1): 1–6.
- Ismail, A. F. (2010). Fungsi Majlis Penasihat Syariah dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia: Kajian Terhadap Bank Muamalat Malaysia Berhad dan RHB Islamic Bank Berhad (*Doctoral dissertation, University of Malaya*).
- Mahamad, M., & Tahir, I.M. (2010). Persepsi Pelanggan Bukan Islam Terhadap Perbankan Islam: Satu Kajian Rintis. *Jurnal Kemanusiaan* 16: 44-61.
- Merriam, S.B. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implimentation*. 2nd Edition. San Francisco: Jossey-Bass.
- Noh, M. A.N, & Samsudin, B.H. (2017). Perbandingan Prestasi Kewangan Perbankan Islam Dengan Perbankan Konvensional Di Malaysia Dari Tahun 2009 Hingga 2014. *Journal of Quality Measurement and Analysis*, 13(2): 49-57.
- Rahim, A. (2015). Konsep Bunga Dan Prinsip Ekonomi Islam Dalam Perbankan Syariah. *Human Falah* 2(2): 1–15.
- Saputra, H., & ANWAR, K. (2019). Pengaruh Persepsi Mahasiswa Program Studi Non Ekonomi Islam Terhadap Minat Menjadi Nasabah Bank Syariah. *Jurnal Ekonomi Islam*, 2(1): 67-76.
- Senik, Z. C., Isa, R. M., Sham, R. M., & Jabir, R. (2016). Strategi dan Corak Pengantarabangsaan Perniagaan Agro di Malaysia. *Jurnal Pengurusan (UKM Journal of Management)*, 48: 161-171.
- Shahar, W.S.S.W., Zan, U.M.S.M., Hassin, W.S.W. (2016). The Implication of Usury (Riba) in Economic: A Critique. *Proceedings of the 3rd International Conference on Management & Muamalah 2016*: 332-341.
- Wahid, H., Ahmad, S. & Noor, M.A.M. (2007). Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia. *Islamiyyat* 29: 53-70.
- Yamo, I. (2013). Peranan Sistem Perbankan Islam Dalam Pembangunan Ekonomi Ummah di Pattani, Selatan Thailand (*Doctoral dissertation, University of Malaya*).

Mohd Adib Ismail*
Pusat Kajian Pembangunan Inklusif dan Lestari,
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
& Institut Islam Hadhari,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43650 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Nurshamera Alesa Shamsul Bahari
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43650 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: mohadis@ukm.edu.my

Diserahkan: 21 Januari 2020
Diterima: 22 Januari 2020